

MCA: Dua pihak- jamin sokong padu calon BN

UM 2 JAN 2002

Oleh ZULKYLI JALIL

KUALA LUMPUR 1 Jan. — Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad berkata, kedua-dua pihak yang bertelagah dalam MCA memberi jaminan kepadanya bahawa mereka akan memberi sokongan padu kepada calon Barisan Nasional (BN) pada pilihan raya kecil Dewan Undangan Negeri Indera Kayangan, Perlis.

Menurut Perdana Menteri, mereka bersetuju untuk saling bekerjasama demi memastikan kemenangan BN tanpa mengira sama ada calon terbabit datang daripada salah satu kumpulan dalam parti itu.

Bagaimanapun, Dr. Mahathir selaku Pengetua BN menegaskan, tidak wujud kumpulan 'A' dan 'B' dalam MCA tetapi sebaliknya semua pemimpinnnya berdiri teguh sebagai sebuah parti.

"Saya nasihatkan supaya mereka melupakan sahaja masalah sesama mereka dan tumpukan kepada kemenangan BN di Indera Kayangan.

"Dan mereka bersetuju untuk bekerjasama bagi menentukan calon BN mendapat kemenangan. Perselisihan antara mereka, kita akan bincang kemudian," katanya ke-

pada pemberita selepas menghadiri jamuan hari terbuka dan Tahun Baru 2002 anjuran Parti Progresif Rakyat (PPP) di Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC) hari ini.

Dr. Mahathir mengulas pertemuan beliau dengan dua kumpulan itu di pejabat beliau di Putrajaya, semalam.

Kehadiran kumpulan 'A' diketuai oleh Presiden MCA, Datuk Seri Dr. Ling Liong Sik manakala Timbalan Presiden, Datuk Lim Ah Lek mengetuai kumpulan 'B'.

Tiga pemimpin kumpulan 'B' yang turut hadir semalam ialah Naib Presiden, Datuk Chua Jui Meng, Ketua Pemuda, Datuk Ong Tee Keat dan Ahli Jawatankuasa Pusat MCA, Datuk Wong Mok Leong.

Krisis dalaman MCA memuncak baru-baru ini ekoran keputusan Jawatankuasa Pusat (CC) MCA menggantung jawatan Ketua Pemuda, Datuk Ong Tee Keat dan 46 anggota CC Pemuda parti itu.

Dengan keputusan itu, CC MCA menubuhkan jawatankuasa khas yang dianggotai oleh tiga veteran MCA untuk mengambil alih fungsi dan peranan CC Pemuda.

Ekoran penggantungan itu juga, Ong bersama-sama kumpulan 'B' yang diketuai oleh Ah Lek mengambil langkah untuk me-

ngadakan rapat umum ke seluruh negara bagi menjelaskan keadaan yang berlaku.

Mengulas lanjut, Dr. Mahathir melahirkan keyakinan beliau dapat menyelesaikan masalah yang melanda MCA.

"Tidak ada masalah, mereka semuanya akan bekerjasama," katanya.

Dr. Mahathir turut menolak tanggapan kononnya ada perjanjian dibuat antara dua kumpulan itu dalam pertemuan dengan beliau semalam.

"Calon BN di Indera Kayangan akhirnya akan ditentukan oleh saya," katanya.

Terdahulu, kehadiran Perdana Menteri dan isteri, Datin Seri Dr. Siti Hasmah Mohd. Ali di majlis rumah terbuka tersebut disambut oleh Presiden PPP, Senator Datuk M. Kayveas yang juga Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan.

Majlis turut diserikan dengan persembahan nyanyian oleh beberapa persatuan kebajikan di sekitar ibu negara.

Perdana Menteri turut menyampaikan cenderamata kepada beberapa atlet paralimpik yang memenangi pingat di kejohanan-kejohanan antarabangsa sukan itu tahun lalu.